



SIARAN AKHBAR

PEMINDAHAN PERKHIDMATAN ISU PENGGUNA KEWANGAN KE PEJABAT BIRO KREDIT DAN WAKTU PERKHIDMATAN BARU BAGI PERKHIDMATAN PELANGGAN BIRO KREDIT

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan sukacita ingin memaklumkan bahawa Perkhidmatan Isu Pengguna Kewangan telah dipindahkan kepada Pejabat Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit yang terletak di Unit 1, Tingkat Bawah Bangunan Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan.
2. Pemandahan tersebut adalah untuk memudahkan dan meningkatkan lagi perhubungan dengan orang ramai. Oleh itu, pengguna kewangan yang ingin mendapatkan nasihat mengenai sebarang isu terhadap institusi-institusi kewangan yang berlesen di Negara Brunei Darussalam bolehlah berjumpa dengan perwakilan AMBD di lokasi baru tersebut.
3. Perkhidmatan Isu Pengguna Kewangan dan Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit akan dibukakan kepada orang ramai pada waktu perkhidmatan seperti berikut:

Isnin – Khamis : 8:00 pagi - 11:30 pagi
2:00 petang - 4:30 petang

Jumaat : 8:15 pagi – 11:15 pagi

Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti awam

4. Tarikh bermula operasi mengikut perubahan di atas adalah pada 31 Oktober 2016.
5. Orang ramai boleh menghubungi Perkhidmatan Isu Pengguna Kewangan ditalian 2233371 atau melalui emel fci@ambd.gov.bn. Manakala, Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit boleh dihubungi ditalian 2233369 atau birokredit@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 27 Muharram 1438H / 28 October 2016M

Rujukan: AMBD/COMMS/3